

Pegawai Rela disyaki rogol anak saudara ditangkap

Berita Harian 29/06/2010

Suspek laku perbuatan keji sejak mangsa berusia enam tahun

M/S 6

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Polis menahan seorang pegawai Rela dari Seberang Takir, di sini, kerana disyaki merogol anak saudaranya berusia 12 tahun sejak mangsa berusia enam tahun lagi.

Lelaki berusia 56 tahun itu ditahan di kediamannya yang terletak berhampiran rumah mangsa di Seberang Takir kira-kira jam 11 pagi Jumaat lalu, selepas ibu

mangsa membuat laporan kes berkenaan di Balai Polis Kuala Terengganu sehari sebelum itu.

Lelaki berkenaan dipercayai memperalatkan mangsa dan memperdayakan keluarganya apabila sering membawa mangsa keluar bersiar-siar ketika hujung minggu, sebelum mengambil kesempatan merogolnya.

Akibat ketakutan, mangsa tidak pernah mengadu perkara itu kepada keluarganya dan terpaksa menjadi hamba seks bapa saudaranya di merata tempat, ter-

masuk taman permainan kanak-kanak selama enam tahun.

Bagaimanapun, kegiatan sumbang lelaki itu akhirnya terbongkar, apabila mangsa mengadu sakit di kemaluan kepada ibunya pada Jumaat lalu, yang kemudian membawa mangsa mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini pada hari sama.

Hasil pemeriksaan, doktor yang merawat mangsa mengesahkan ada kesan koyakan lama akibat tusukan

pada alat sulit kanak-kanak terbabit.

Ibu mangsa yang terkejut berhubung kejadian itu, meminta anaknya menceritakan perkara sebenar.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Su perintendan K Manoharan mengesahkan mengenai kejadian berkenaan, tetapi enggan mengulas lanjut.

Suspek kini ditahan reman selama seminggu sehingga Rabu ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.